

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (60)

31 Disember 2025

10 Rejab 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 58/2025

PENYELARASAN PENYERAGAMAN STRUKTUR FAKULTI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 141 pada 10 November 2025 telah meluluskan penyelarasan penyeragaman struktur fakulti. Kelulusan ini telah meminda pelaksanaan penyeragaman struktur fakulti sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat Senat Bil.11, Sesi 2023/2024 pada 28 Ogos 2024 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bil. 16/2024 pada 11 September 2024.

2. Penyelarasan penyeragaman struktur fakulti Universiti Teknologi Malaysia ini telah melibatkan perkara berikut :

- i. Penyelarasan elaun pentadbir akademik di semua fakulti;
- ii. Penjenamaan nama jawatan Pengurus (Kualiti dan Strategi) kepada Pengurus (Kualiti Akademik) dan penyandang adalah kekal dalam kalangan pentadbir akademik;
- iii. Pengekalan Pengurus Hal Ehwal Akademik dan Pelajar (Pascasiswazah) dalam kalangan pentadbir akademik sehingga pengisian staf daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan Pelaksana (PPP) selesai.

Struktur baharu yang akan diguna pakai di semua fakulti adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai penyelarasan penyeragaman struktur fakulti di Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar



s.k.

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
- Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

LAMPIRAN 1 : STRUKTUR FAKULTI TERKINI

